

Bab 6

Rumusan Kajian

6.1 Analisis Kajian

Kajian ini dibahagikan kepada dua bahagian. Bahagian pertama ialah kajian mengenai rekabentuk dan rekaletak web the star Online. Untuk mendapatkan pandangan pembaca mengenai kepenggunaan laman web ini saya juga telah menjalankan satu kajian kepenggunaan.

6.1.1 Analisis kajian Rekabentuk dan Rekaletak

Daripada kajian yang telah dijalankan, kebanyakan responden berpendapat bahawa elemen-elemen perekaan dalam sesebuah laman web harus diberikan tumpuan yang tinggi. Selain daripada itu, aspek pembaca turut diberikan perhatian. Ini kerana pembaca akan menentukan cara serta gaya yang diminati untuk menunjukkan kejayaan sesebuah laman web.

Bentuk soalan yang dikemukakan boleh dibahagikan kepada beberapa bahagian penting. Bahagian pertama adalah soalan-soalan yang tertumpu ke arah latarbelakang responden. Antara maklumat yang diperolehi ialah:

Jadual 6.1: Penggunaan Internet dari segi tempat

Tempat	Peratus (%)
Rumah	6
Pejabat	30
Kafe Siber	4
Kolej / Universiti	60

Bagi persoalan pertama, kebanyakan responden menggunakan perkhidmatan Internet di pejabat dan di kolej / universiti. Dalam hal ini, 60% responden menggunakan perkhidmatan Internet di kolej dan universiti, 30% di pejabat dan 6% di rumah dan 4% di kafe siber. (Jadual 6.1). Satu kesimpulan dapat dilakukan dengan melihat pada jadual ini

ialah bahawa responden lebih gemar menggunakan perkhidmatan Internet di tempat yang menyediakan kemudahan Internet secara percuma dan kadar sambungan yang pantas. Misalnya di kolej contohnya di *Asia Pacific Institute of Information Technology*, kemudahan Internet kepada para pelajar ialah percuma dan kadar sambungan ialah 2 Mbps. Sambungan yang pantas ini menyebabkan para pelajar lebih gemar menggunakan Internet di kolej atau universiti berbanding di rumah kerana pada umumnya kelajuan sambungan di rumah ialah 56.6 Kbps.

Jadual 6.2: Penggunaan Internet dari segi masa

Jumlah Masa (Jam)	Peratus (%)
1 – 2	26
2 – 4	60
4 – 6	14
6 ke atas	0

Dalam jangka masa satu hari, sebanyak 60% daripada responden menggunakan Internet selama 2 – 4 jam sehari, 26% selama 1 – 2 jam sehari dan 14% selama 4 – 6 jam sehari. (Jadual 6.2).

Jadual 6.3: Tujuan penggunaan Internet mengikut kategori

Tujuan	Peratus (%)
Kategori Pertama	80
Kategori Kedua	20

Kategori Pertama – Mel Elektronik, Hiburan, Perbualan, Kajian / Penyelidikan dan Berita Semasa.

Kategori Kedua – Mel Elektronik, Kajian . Penyelidikan dan Berita Semasa

Untuk soalan seterusnya, sebanyak 60% daripada responden menggunakan Internet untuk tujuan Mel Elektronik, Hiburan, Perbualan, Kajian / Penyelidikan dan Berita Semasa. Sebanyak 20% pula menggunakan Internet untuk tujuan Mel Elektronik, Kajian . Penyelidikan dan Berita Semasa. Ini menunjukkan bahawa kebanyakan responden menggunakan perkhidmatan e-mel dan perbualan. Pada masa yang sama pengetahuan mengenai berita semasa turut diberi perhatian.

Jadual 6.4: Peratusan penggunaan medium komunikasi


Medium	Peratus (%)
Akhbar Cetak	77
Akhbar dalam talian	23

Selain daripada itu, melalui kajian ini, saya juga dapati bahawa hanya sebanyak 23% daripada responden yang meminati akhbar dalam talian berbanding 77% memilih akhbar cetak.

Soalan dalam bahagian kedua lebih kepada elemen-elemen rekabentuk sesebuah laman web. Jadual di bawah menunjukkan jumlah peratusan responden dalam pemilihan jawapan.

Jadual 6.5: Skala jawapan responden bagi elemen-elemen perekaan

Elemen-elemen perekaan	Penting (%)	Tidak Penting (%)	Bergantung pada laman web (%)	Elakkan menggunakan (%)	Tidak relevan (%)
Rekaletak	82	3	15	0	0
Masa pindah turun	90	0	10	0	0
Penatalan yang minima	28	7	61	4	0
Kandungan tinggi	56	0	36	8	0
Banyak grafik	2	8	68	22	0
Berwarna-warni	17	15	55	10	3
Navigasi	85	4	8	3	0
Pembahagian muka	0	10	21	68	1
Label teks dan arca	62	5	26	0	7
Capaian halaman	63	6	26	0	5
Format yang konsisten	82	1	15	2	0
Logo	76	6	16	2	0
Maklum balas pembaca	51	5	37	5	2

Rajah 6.6: Graf menunjukkan skala jawapan responden bagi elemen-elemen perekaan

Hasil kajian menunjukkan bahawa kebanyakan daripada responden mementingkan aspek rekabentuk dalam menghasilkan sebuah penerbitan dalam talian. Di bawah adalah elemen-elemen yang dianggap penting oleh responden dalam menghasilkan sesebuah laman web.

Rajah 6.7: Jadual menunjukkan peratusan kepentingan elemen perekaan yang paling tinggi

Elemen Perekaan	Peratus (%)
Rekaletak halaman	82
Masa pindah turun	90
Kandungan tinggi	56
Sistem navigasi yang konsisten	85
Label teks pada arca	62
Capaian halaman	63
Format halaman yang konsisten	82
Logo	76
Maklumbalas pengguna	51

Jadual 6.7 menunjukkan elemen-elemen perekaan yang dianggap penting dalam perekaan sesebuah penerbitan elektronik. Berdasarkan jadual di atas elemen perekaan yang berkaitan dengan rekaletak (82%), masa pindah turun (90%), kandungan yang tinggi (56%), penggunaan sistem navigasi yang konsisten (85%) label teks pada arca (62%), format halaman yang konsisten (82%) , logo (76%) dan maklumbalas pengguna (51%) dengan jelas menunjukkan bahawa kesemua elemen ini sangat penting dan seseorang pereka penerbitan elektronik harus mengambil kira garis panduan perekaan yang efektif.

Beberapa elemen yang dianggap kurang penting oleh para responden ialah elemen-elemen yang bergantung pada laman web seperti penatalan, grafik dan warna. Satu elemen yang dianggap langsung tidak harus digunakan ialah membuat pembahagian *halaman* iaitu sebanyak 68% daripada responden.

Kajian ini telah menunjukkan bahawa kebanyakan pengguna Internet hanya membaca akhbar dalam talian ketika di pejabat atau di institusi pengajian tinggi dan lebih 50% daripada responden mengaku bahawa elemen perekaan sangat penting dan harus diberikan perhatian. Namun, responden lebih berminat membaca akhbar cetak berbanding akhbar dalam talian.

6.1.2 Analisis kajian kepenggunaan

Setelah membincangkan elemen-elemen perekaan seta melihat pada laman web *The Star Online*, kajian hubungan laman web dengan pengguna juga dilakukan. Kajian ini dinamakan kajian Kepenggunaan Laman Web atau *Web Site Usability*. Kajian ini dilakukan dengan menggunakan kaedah soal selidik. Saya telah menghasilkan sebuah boring soal selidik untuk mengetahui pandangan para pembaca akhbar *The Star Online*. Kajian dilakukan ke atas struktur navigasi, format akhbar dalam talian, warna yang digunakan dan lain-lain aspek Antara Muka Pengguna. Saya mengambil lima responden untuk tujuan kajian kepenggunaan laman web *The Star Online*.

Untuk mengetahui pandangan pembaca mengenai format persempahan akhbar dalam talian yang sesuai, saya menggunakan rangka kajian Ryan Baker, Micheal Bernard dan Shannon Riley. Mereka telah menjalankan satu kajian bertajuk “*Reading Online News: A*

Comparison of Three Presentation Formats" (*Usability News 2002, The Software Usability Research Laboratory*). Mereka mengkaji format yang sesuai bagi seseorang pembaca untuk membaca dan mudah difahami. Dalam kajian ini, akhbar dalam talian yang dipilih ialah *The New York Times*. Format persembahan berbentuk ringkasan dipilih sebagai format yang paling mudah untuk mencari maklumat yang dikehendaki.

Saya telah menyediakan tiga format persembahan laman web *The Star Online*, Di bawah ialah imej format persembahan yang diberikan.

 **thestar.com.my**

BN regains control of Terengganu's listed firms

The Barisan Nasional will be back in full control of three Terengganu-based publicly listed companies after regaining the mandate to lead the state government in Sunday's general election.

US\$1.3bil loans for 1st Silicon, Penerbangan Malaysia
A CONSORTIUM comprising international and local banks has won a mandate from the Government to arrange a financing package totalling US\$1.3bil for Penerbangan Malaysia Bhd and 1st Silicon (M) Sdn Bhd.

Businessmen: BN victory boost for investor confidence

StarBiz spoke with various captains of industry from a cross section of business and sector for their views on the election results and their implications for the country and economy.

Rajah 6.8: Format berbentuk ringkasan

 **thestar.com.my**

[The Star Online > News](#)

Monday March 22, 2004

Lone gunman kills businessman

KOTA TINGGI: A businessman, who was inspecting renovation work outside his house in Taman Kota Besar here, was shot dead by a lone gunman.

Ting Sau Ngow, in his 50s, was checking on two workers carrying out renovation work at his home in Jalan Mentumun 1 at around 5.45pm on Saturday when a man approached the house on a motorcycle.

Kota Tinggi OCPD Supt Tajudin Md Isa said investigations revealed that the motorcyclist, who was clad in white shirt and pants, shot Ting on his head, killing him on the spot.

"When the suspect fled the scene, he dropped a revolver, which was recovered by police at the scene."

Rajah 6.9: Format berbentuk penuh

**Top Stories**

Mon - Mar 22, 2004

Election 2004

- Landslide victory for BN
- BN scores big in Terengganu, Kelantan
- Work hard, Barisan reps told Abdullah unhappy with EC's work

News

- Lone gunman kills businessman
- Malaysians held in Oman ATM scam
- Moneychanger loses RM500,000

Business

- MIDF making inroads into investment banking
- Is the presence of foreign funds for real this time?
- Bina Pun hopes to boost global presence

Sports

- A stroll for Schuey
- Teik Chai-Kien Keat grab maiden Open title

Rajah 6.10: Format berbentuk sambungan (*links*)

Bagi soalan pertama, tiga daripada responden memberikan gred lima dan dua lagi memberikan gred enam bagi format persembahan berbentuk ringkasan. Format persembahan berbentuk penuh dikatakan sukar untuk mencari maklumat yang dikehendaki. Carta di bawah menunjukkan pilihan format persembahan pembaca.

Jadual 6.11: Menunjukkan pilihan responden terhadap format yang mudah difahami

Gred Pemilihan	Penuh	Ringkasan	Sambungan
1	3		
2	2		
3			3
4			2
5		3	
6		2	

Bagi soalan kedua, format penyusunan yang membentuk pemahaman, para responden memilih format persembahan bentuk ringkasan berbanding bentuk penuh yang dikatakan lebih sukar untuk difahami.

Jadual 6.12: Menunjukkan pilihan responden terhadap format penyusunan yang membentuk pemahaman

Gred Pemilihan	Penuh	Ringkasan	Sambungan
1	3		
2	2		
3			3
4			2
5		3	
6		2	

Bagi soalan yang ketiga pula, semua responden memberikan gred yang tinggi pada persembahan format ringkasan. Mereka lebih gemar dan berpuas hati dengan format ini berbanding yang lain.

Jadual 6.13: Menunjukkan pilihan format yang memberikan kepuasan tertinggi

Gred Pemilihan	Penuh	Ringkasan	Sambungan
1	3		
2	2		
3			3
4			2
5		3	
6		2	

Bagi soalan keempat, para responden sekali lagi memilih format ringkasan sebagai rekaletak yang diminati. Dalam aspek ini persembahan ringkasan mendapat gred yang tinggi iaitu enam dari kelima-lima responden.

Bagi soalan kelima, tiga responden memberikan gred persetujuan sebanyak lima dan dua lagi memberikan enam. Ini menunjukkan bahawa laman web *The Star Online* mempunyai masa pindah turun yang laju.

Jadual 6.14 Persetujuan gred terhadap masa pindah turun

Responden	Gred Kepuasan
Gheeta Kanaparan	6
Wong Bee Suan	5
Seran Kathirvelu	6
Ponnu Devi	5
Ratha Krishnan	5

Bagi soalan seterusnya, dua daripada responden memberikan gred persetujuan empat manakala tiga responden memberikan gred persetujuan enam.

Dalam aspek navigasi soalan nombor enam para responden mendapat terdapat banyak sambungan dalam *The Star Online*. Ini kerana, sebagai sebuah akhbar dalam talian, mereka bukan sahaja memberikan berita serta maklumat seperti yang terdapat pada media cetak *The Star*, malah lebih daripada itu. Terdapat pelbagai perkhidmatan yang diberikan oleh pihak *The Star Online* untuk menarik lebih ramai pembaca. Satu kajian telah dijalankan oleh Massey (2000) untuk melihat tahap interaktiviti akhbar-akhbar dalam talian di sekitar Asia Tenggara. Akhbar *The Star Online* merupakan salah satu daripada akhbar tempatan yang telah dipilih oleh Brian sebagai sampel kajian. Selain daripada akhbar *The Star Online*, akhbar *The New Straits Times*, *Sarawak Tribune* dan *Daily Express* juga tersenarai sebagai sampel.

Pada akhir kajian, beliau mendapat maklumbalas dan pilihan kompleksiti menjadi elemen interaktiviti yang diberi keutamaan oleh akhbar dalam talian. Namun apa yang beliau dapati ialah kebanyakan akhbar dalam talian ini seakan-akan sama dengan media traditional seperti berita semasa dan artikel hiburan, komen editor dan fotografi. Dalam aspek ini, hanya lima akhbar mengandungi beberapa elemen serta perkhidmatan tambahan yang diberikan kepada pembaca. Lima akhbar berkenaan ialah *The New Straits Times* dan *The Star Online* dari Malaysia, *Manila Buletin* dan *Philippines Daily Inquirer* dan *Singapore Straits Times Interactive*.

Jadual 6.15: Persetujuan gred terhadap struktur navigasi dan sambungan

Responden	Gred Kepuasan
Gheeta Kanaparan	4
Wong Bee Suan	5
Seran Kathirvelu	4
Ponnu Devi	5
RathaKrishnan	5

Bagi persoalan ketujuh, kesemua responden memerikan gred persetujuan enam yang menyatakan bahawa navigasi serta perekaan laman web ini berbentuk konsisten pada semua *halaman*.

Jadual 6.16 Persetujuan gred terhadap navigasi dan perekaan yang konsisten

Responden	Gred Kepuasan
Gheeta Kanaparan	6
Wong Bee Suan	6
Seran Kathirvelu	6
Ponnu Devi	6
RathaKrishnan	6

Bagi Soalan kelapan, dua daripada responden memberikan gred kepuasan lima, satu memberikan enam dan dua lagi responden memberikan empat.

Jadual 6.17 Persetujuan gred terhadap kualiti serta penggunaan grafik

Responden	Gred Kepuasan
Gheeta Kanaparan	4
Wong Bee Suan	5
Seran Kathirvelu	5
Ponnu Devi	6
RathaKrishnan	4

Bagi soalan kesembilan, secara keseluruhannya, para responden mendapati laman web *The Star Online* menggunakan ruang putih dengan berkesan. Tiga daripada responden memberikan gred kepuasan lima dan dua memberikan gred kepuasan enam.

Jadual 6.18 Persetujuan gred terhadap ruang putih pada lama web

Responden	Gred Kepuasan
Gheeta Kanaparan	4
Wong Bee Suan	5
Seran Kathirvelu	5
Ponnu Devi	6
RathaKrishnan	4

Bagi soalan yang terakhir pula, satu daripada responden memberikan gred kepuasan tiga dan empat yang lain memberikan gred kepuasan lima.

Jadual 6.19 Persetujuan gred terhadap produktiviti keseluruhan laman web

Responden	Gred Kepuasan
Gheeta Kanaparan	5
Wong Bee Suan	5
Seran Kathirvelu	3
Ponnu Devi	5
RathaKrishnan	5

Dalam aspek kepenggunaan didapati bahawa responden lebih meminati format bacaan berbentuk ringkas. Ini adalah kerana, responden mendapati bahawa format jenis ini

memudahkan proses pembacaan dalam aspek pencarian maklumat, lebih mudah untuk difahami dan memberikan kepuasan yang tinggi. *The Star Online* menggunakan ketiga-tiga jenis format rekaletak ini seperti dalam rajah 6.8, 6.9 and 6.10.

Dalam aspek-aspek kepenggunaan yang lain, secara keseluruhannya didapati bahawa para responden berpuas hari dengan laman web *The Star Online* kerana memberikan mereka informasi yang dikehendaki dengan cara yang mudah dan senang. Rekaletak dan rekabentuk yang mudah memberikan para responden tahap kepenggunaan yang tinggi.

6.2 Kesimpulan

Perkembangan dunia teknologi maklumat telah membolehkan kebanyakan syarikat akhbar mengambil kesempatan ini untuk meningkatkan lagi keupayaan mereka dari segi persaingan dengan akhbar lain. Akhbar-akhbar dalam talian yang lain seperti *Utusan Malaysia*, *New Straits Times*, *Harakah* dan *Nan Yang Siang Pau* juga mempunyai laman web yang menarik dan berinformasi. Namun dari segi perkhidmatan yang ditawarkan, akhbar *The Star Online* telah jauh kehadapan dan lebih interaktif berbanding kesemua akhbar ini.

Dalam penerbitan elektronik ini, bukan sahaja syarikat akhbar, malah syarikat penerbitan majalah dan beberapa buku cerita / teks telah mempunyai laman web mereka sendiri. Sebagai contoh ialah penerbit USM (<http://www.lib.usm.my/press/>), Kumpulan Karang Kraf (<http://www.karangkraf.com.my/>) dan sebagainya.

Dalam bab dua kita telah pun melihat corak penggunaan Internet secara keseluruhannya yang dengan jelas menunjukkan peningkatan dalam jumlah pengguna Internet. Apa yang harus kita faham ialah, ramai yang belum fasih menggunakan komputer. Ini secara tidak langsung akan membawa kepada kegagalan penggunaan Internet kerana sehingga hari ini komputer merupakan produk elektronik yang dapat menyambungkan pengguna kepada Internet.

Pada masa akan datang, pengguna bukan sahaja dapat menggunakan Internet dengan menggunakan komputer malah dapat menggunakan televisyen untuk mendapatkan sambungan kepada Internet. Ini merupakan suatu projek baru di negara kita. Syarikat yang mengendalikan projek ini ialah eTv Malaysia Sdn. Bhd. di bawah panji CSE Industries. Mereka kini dalam tahap akhir projek Internet TV yang mungkin akan dilancarkan pada hujung tahun ini. Menurut Rannie Tay, salah seorang daripada pemegang saham syarikat eTv Malaysia Sdn. Bhd., mereka ingin membawa Internet dengan menggunakan televisyen dan ini akan memudahkan para pengguna yang tidak fasih menggunakan komputer untuk melayari Internet. Ini secara tidak langsung akan meningkatkan lagi pengguna Internet secara keseluruhannya.

Sebelum kita membuat kesimpulan mengenai penerbitan *The Star Online*, saya juga ingin membincangkan kebaikan serta keburukan yang terdapat dalam kedua-dua medium ini. Setelah membuat kajian yang terperinci saya dapat mengemukakan beberapa kebaikan dan keburukan penggunaan Internet. Antara kebaikannya ialah :

1. Lebih pantas

Pengaliran informasi adalah lebih pantas dengan menggunakan Internet. Misalnya dalam hal *The Star Online*, bahagian saham misalnya, maklumat yang terbaru dapat diperolehi daripada laman web mereka. Dengan menggunakan Internet ini, penerbit dapat mengemaskini data dengan cepat dan mudah. Dengan cara ini pembaca sentiasa akan mendapat maklumat terbaru. Ini banyak membantu para ahli saham yang ingin memerhatikan keadaan pasaran semasa. Kemudahan ini bukan sahaja terbatas kepada negara kita, malah pembaca juga dapat menggunakan perkhidmatan ini untuk melihat keadaan pasaran di negara lain. Dengan cara ini, pengguna dapat menjimatkan masa untuk mencari data atau menunggu sehingga laporan saham dikeluarkan dalam medium lain. Selain daripada itu, pengguna juga menjimatkan banyak wang kerana masa yang diambil untuk memperolehi maklumat tidak mahal berbanding jenis komunikasi menggunakan telefon. Misalnya pengguna hanya dikenakan bayaran sebanyak 1.5 sen untuk 1 minit penggunaan Internet.

2. Mengemas kini data

Dengan menggunakan Internet, penerbit dapat mengemaskini data dengan lebih mudah dan cepat. Ini adalah kerana dengan menggunakan komputer, kesalahan ejaan atau kesilapan maklumat yang diterima dapat dibaiki dengan cepat berbanding dengan medium cetak. Jika sesuatu penerbitan cetak dikeluarkan, pembetulan kesilapan hanya dapat dilakukan pada keesokan harinya dan ini akan mengambil masa dan tenaga yang lebih. Selain daripada itu, kosnya juga adalah tinggi. Dalam *The Star Online*, berita terkini dapat disampaikan kepada pembaca. Dengan ini maklumat yang diterima oleh pembaca boleh dipercayai kerana ia dikawal oleh syarikat *The Star Publication*.

Adalah menjadi satu perbahasan yang hangat sama ada berita atau informasi yang disampaikan melalui Internet adalah benar atau palsu. Dalam hal *The Star Online* ia merupakan anak *The Star Publication*. Maka berita yang disampaikan sudah tentu datang daripada sumber yang benar.

3. Khalayak yang lebih luas

Berbanding medium lain, Internet mempunyai jumlah pembaca atau saiz pembaca yang lebih luas. Ini kerana kemudahan Internet merupakan suatu komunikasi antarabangsa dan seseorang individu yang mempunyai komputer dengan sambungan Internet sudah tentu dapat menggunakan Internet dan melayari laman web antarabangsa dengan mudah. Akhbar *The Star* yang pada mulanya hanya menggunakan medium cetak kini mendapat lebih ramai pembaca dengan adanya laman web *The Star Online*. Pada Disember 1997 jumlah pengunjung laman web *The Star Online* dianggarkan sebanyak 21,802,451. Jumlah ini meningkat sebanyak 25,826,141 menjadikan jumlah pengunjung seramai 47,628,592 pada bulan Disember tahun 1998.

Kemudahan ini diberikan supaya masyarakat Malaysia di luar negara dapat membaca berita tempatan dari kaca mata pemberita tempatan dan bukannya pemberita luar negara yang selalunya melaporkan berita yang tidak seimbang. Untuk mengelakkan keadaan ini, adalah menjadi tanggungjawab akhbar tempatan untuk memberikan berita yang benar kepada masyarakat Malaysia yang berada di luar negara. Kini mereka mempunyai lebih

banyak pilihan dan dalam pelbagai bahasa kerana di Malaysia kita mempunyai 4 bahasa utama mengikut kaum di negara kita. Akhbar berbahasa Inggeris contohnya *The Star* dan *The New Straits Times*, *Utusan Malaysia* akhbar berbahasa Melayu, *Thinamani* akhbar berbahasa Tamil dan *Nan Yang Siang Pau* akhbar berbahasa Cina. Kesemua akhbar tempatan ini mempunyai laman web mereka masing-masing.

Selain daripada kebaikan-kebaikan akhbar dalam talian ini terdapat pelbagai kebaikan lain menggunakan Internet sebagai media penghubung dan komunikasi. Dalam bidang ini, kita tidak seharusnya membezakan kebaikan serta keburukan kedua-dua medium cetak dan elektronik ini. Ini adalah kerana, objektif serta sasaran pembaca kedua-dua medium ini adalah berbeza.

Sebelum membuat kesimpulan saya ingin mengemukakan beberapa pendapat pembaca akhbar dalam talian. Ini akan menunjukkan perbezaan sikap serta bagaimana akhbar dalam talian ini dilihat. Kesemua pendapat ini datang daripada laman web www.epinions.com.

Menurut seorang ahli Epinions.com, Ms. Hooterville bagi beliau kedua-dua jenis medium ini bekerjasama antara satu sama lain. Beliau selalu membeli akhbar *The Omaha World Herald* yang juga mempunyai laman web. Beliau menyambung dengan menyatakan bahawa:

"But the Internet has allowed millions of us access to newspapers in cities throughout the nation and the world. I have subscribed before to The Wall Street Journal, Barron's and USA Today only to find I don't have time to read more than one daily newspaper, and the magazines to which I subscribe, Vanity Fair and The New Yorker.

Ms. Hooterville

Seorang lagi ahli Epinions.com Art Van daLay pula menyatakan bahawa walaupun Internet membawa banyak pembaharuan dan menjadikan komunikasi lebih mudah, namun komputer tidak boleh dilipat dan dibawa kemana-mana. Ini dengan jelas menunjukkan bahawa ciri-ciri fizikal atau akhbar cetak yang boleh dilipat dan dibawa bersama menjadi pilihan sesetengah pembaca.

Jim Moore, seorang editor akhbar dalam talian iaitu www.westviewnews.com pula memberikan beberapa kebaikan serta keburukan akhbar dalam talian. Mengikut pengalaman beliau terdapat empat kebaikan yang telah digariskan. Ia ialah:

1. Beliau dapat membaca bukan sahaja satu malah lebih daripada itu dan memilih bahagian yang ingin dibaca tanpa membelinya. Selain daripada itu, dengan adanya akhbar dalam talian ini, berita yang dibaca adalah dari pelbagai aspek.
2. Beliau juga berpendapat bahawa, beliau dapat menyelamatkan beberapa batang pokok dengan membaca akhbar dalam talian.
3. Beliau akan menyimpan berita yang penting dalam komputer. Ini hanya dilakukan sekiranya beliau ingin menjalankan kajian atau sesuatu penyelidikan.
4. Satu lagi kebaikan yang didapati oleh beliau ialah, dapat membaca pelbagai akhbar dari pelbagai jenis sumber dan ini adalah penting kerana ia menjimatkan kos.

Peter Skerritt, Jr. berpendapat bahawa akhbar cetak lebih mudah dan senang untuk dibaca. Beliau lebih berminat membaca akhbar semasa tengah makan berbanding komputer yang perlu menunggu untuk disambungkan kepada Internet dan melalui jaringan-jaringan yang disediakan dan mungkin sesat dalam laman web itu sendiri. *"Printed media is far from extinct, it's just got some competition from somewhere else other than television... and competition is a good thing"*. kata beliau.

Di Malaysia kini, perkembangan teknologi maklumat adalah sangat pesat. Ini bermakna, suatu hari nanti penggunaan Internet akan meningkat di kalangan masyarakat. Hari ini pelajar sekolah dididik untuk menggunakan komputer. Pelbagai insentif diberikan oleh kerajaan Malaysia termasuk skim pinjaman dan pengeluaran wang dari KWSP untuk tujuan pembelian komputer. Ini dengan jelas menunjukkan perkembangan industri perkomputeran di negara kita.

Pengenalan MSC atau Koridor Raya Multimedia kini telah menjadikan Malaysia sebagai pusat teknologi maklumat dan komunikasi di rantau Asia ini. Persoalan kini ialah, adakah komputer dan Internet akan mengambil alih tugas penerbitan cetak atau mengambil alih

tugas para wartawan yang cenderung ke arah kewartawanan penerbitan cetak ? Ini merupakan suatu persoalan yang sehingga kini tidak boleh sampai pada suatu titik noktah. Ini dengan jelas menunjukkan kontroversi yang timbul akibat pengenalan penerbitan elektronik.

Dalam satu artikel oleh Nielson (1998) bertajuk “*The End of Legacy Media*”, beliau menyatakan bahawa format media tradisional akan pupus dan digantikan oleh medium integrasi laman web dalam masa sepuluh tahun akan dating. Menurut beliau “*Legacy media cannot survive because the current media landscape is an artifact of the underlying hardware technology*”. Pada beliau, peralatan komunikasi traditional tidak dapat digunakan pada masa akan dating kerana kehendak manusia yang meningkat dan peralatan komunikasi baru yang mengintegrasikan elemen-elemen multimedia seperti teks, video, audio, animasi dan imej akan menjadi pilihan pembaca.

Namun beliau tidak menafikan satu kebenaran iaitu, walaupun media tradisional pupus, tenaga kerja dalam bidang ini terus kekal. Beliau beranggapan bahawa masa depan tenaga kerja media mempunyai masa hadapan yang cerah. “*There will continue to be a need for writer, editors, photographers, camera people, video producers, on-screen talent and actors, and many others.*” Kata beliau. Tenaga kerja media tradisional perlu mempelajari teknik-teknik penerbitan elektronik dalam dunia interaktif ini. Pada hemat saya, apa yang dibincangkan oleh Nielson ini melihat kepada scenario Negara barat dan sukar untuk diaplikasikan pada dunia secara keseluruhannya. Beliau menyatakan bahawa media tradisional akan pupus dalam masa lima atau sepuluh tahun lagi pada tahun 1998. Kini pada penghujung tahun 2002, media cetak masih digunakan sebagai medium komunikasi oleh pelbagai pihak dan semakin meningkat dari segi pembacanya. (Lihat jadual 6.20: Sirkulasi akhbar The Star dan Sunday Star dari tahun 1995 hingga 1998)

Dalam kajian yang telah saya jalankan ini, tumpuan telah diberikan kepada aspek perekaan dan operasi penerbitan akhbar dalam talian. Pada hemat saya akhbar cetak tidak akan pupus dalam masa terdekat ini. Malah saya beranggapan bahawa akhbar cetak tidak akan pupus. Saya mempunyai beberapa alasan mengapa ia sedemikian rupa.

Pengenalan kepada dunia teknologi maklumat dan komunikasi sememangnya merupakan suatu langkah untuk mengurangkan beban serta jumlah kerja yang dilakukan dalam bidang penerbitan. Keadaan ini dengan jelas terbukti dalam penerbitan dalam talian yang telah dikaji sebelum ini. Ini bermaksud proses percetakan yang mempunyai beberapa peringkat yang susah dan terkawal dapat dihapuskan.

Namun walaupun secara teknikal proses yang terlibat telah dapat dikurangkan, pemikiran masyarakat dan keistimewaan yang terdapat pada akhbar cetak sudah tentu akan membawa kesan kepada jangka hayatnya. Seperti yang kita sedia maklum, akhbar cetak mempunyai beberapa keistimewaan seperti ia mudah dibawa. Pembaca tidak perlu duduk di hadapan kaca komputer terlalu lama dan akhbar cetak boleh dibaca pada bila-bila waktu tidak kira lokasi pembaca.

Akhbar dalam talian hanya boleh digunakan dengan menggunakan komputer dan pembaca di rumah khususnya terpaksa menunggu lama untuk sesuatu halaman itu dapat dibaca dan masa menyambung ke Internet juga mengambil masa. Selain daripada itu, ia mempunyai kumpulan sasaran yang berbeza. Ini merupakan fakta yang paling penting untuk menentukan sama ada akhbar cetak akan mengalami kepupusan atau tidak. Keadaan ini dengan jelas dapat dilihat dengan statistik yang dikemukakan oleh akhbar *The Star*. Statistik menunjukkan dengan adanya *The Star Online*, jumlah sirkulasi akhbar cetak *The Star* telah meningkat.

Jadual 6.20: Sirkulasi Akhbar The Star dan Sunday Star pada tahun 1995 – 1998

Tahun	1995	1996	1997	1998
The Star	192 002	192 059	206 832	220 493
Sunday Star	230 148	232 790	244 176	252 565

Sumber : Audit Bureau Circulation (ABC)

Daripada tahun 1995 hingga tahun 1998, jualan akhbar bercetak *The Star* telah meningkat sebanyak 14.83% iaitu daripada 192,022 naskhah meningkat kepada 220,493 naskhah. Manakala akhbar *Sunday Star* telah meningkat 9.74% iaitu daripada 230,148 naskhah pada tahun 1995 meningkat kepada 252,565 naskhah pada tahun 1998. Statistik ini jelas menunjukkan bahawa penerbitan akhbar dalam talian *The Star* tidak memberi kesan kepada jumlah sirkulasi akhbar cetak *The Star*.

Kemunculan pelbagai jenis medium serta akhbar dalam talian di dunia, ini tidak bermaksud bahawa akhbar cetak harus mengubah cara penampilan serta mengikut perubahan yang berlaku. Secara kesimpulannya bolehlah dikatakan bahawa perekaan dan penerbitan akhbar dalam talian mempunyai banyak perkembangan sejak permulaannya dalam dunia teknologi maklumat dan komunikasi. Gaya persembahan laman web dalam talian ini banyak memberikan kesan kepada para pembaca dan berita yang disampaikan turut memberikan kesan. Perekaan akhbar dalam talian sudah tentu berbeza dengan akhbar cetak seperti yang dapat kita lihat dalam penerbitan akhbar dalam talian *The Star*. Walaupun terdapat perbezaan namun objektif utamanya untuk menerbitkan informasi serta maklumat terkini adalah sama. Akan tiba masanya, kedua-dua medium ini harus bekerjasama untuk mencapai satu kesatuan dalam aspek penerbitan cetak dan elektronik.

Penerbitan akhbar elektronik sudah tentu tidak akan membawa banyak kesan kepada akhbar cetak dalam sesebuah negara. Malah kedua-dua medium ini akan bekerjasama untuk mewujudkan satu keharmonian dalam menyampaikan berita kepada masyarakat secara umum.